

KHUSYUK DALAM MELAKSANAKAN IBADAH SOLAT: PERANANNYA DALAM MENCEGAH PERKARA KEJI DAN MUNGKAR

*Muhammad Saiful Anuar Yusoff¹, Azman Che Mat², Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad¹, Mohd Khairul Anuar Ismail³, Zawiah Seman⁴

¹Academy of Language Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
18500 Machang Kelantan

²Academy of Language Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu
23000 Dungun, Terengganu

³Academy of Contemporary Islamic Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
18500 Machang Kelantan

⁴SMK (A) Wataniah,
18500 Machang Kelantan

*Corresponding author's email: saiful673@kelantan.uitm.edu.my

Submission date: 20 Feb 2018

Accepted date: 15 April 2018

Published date: 20 May 2018

Abstract

Being steadfast (*khusyuuk*) is the most important element in achieving quality prayer. This study was conducted to investigate the roles of prayers which are performed with pure steadfastness in prayers as the prevention against ill manners (*fahsya' & mungkar*). The research framework was constructed based on the Quran verse ordained by Allah in Al' Ankabut: 45 "Indeed, prayer prohibits immorality and wrongdoing, and the remembrance of Allah is greater. And Allah knows that which you do." Influence of two variables: steadfastness of the soul on steadfastness of the body on one another and on the respondents' perception of avoiding ill manners was studied. 256 sets of data was collected from respondents who were the students of five Diploma and Degree programs at Universiti Teknologi MARA Kelantan. Data analysis was carried out using SmartPLS 3. The findings of the study revealed that steadfastness of the soul has positive impact on steadfastness of the body and the two variables also positively impacted respondents' perception of avoiding ill manners. The study provides a guideline in shaping good disposition and manners (*akhlaq*) and preventing ill manners among students through the performance of prayers with pure steadfastness and submissiveness.

Keywords: Steadfast of the soul, steadfast of the body, ill manners (*akhlaq mazmumah*)

Abstrak

Khusyuk merupakan elemen penting kepada solat yang berkualiti. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat peranan khusyuk dalam ibadat solat dalam mencegah perlakuan keji dan mungkar. Kerangka kajian dibentuk sesuai dengan firman Allah SWT “*Sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan-perbuatan keji dan mungkar.*” (Al 'Ankabut: 45). Pengaruh di antara dua kategori khusyuk iaitu khusyuk hati dan khusyuk badan dan pengaruh kedua-duanya terhadap persepsi responden untuk tidak melakukan perbuatan yang keji dan mungkar dikaji. Sebanyak 256 data diperoleh daripada responden yang mengikuti dua tahap pengajian di Universiti iaitu Ijazah Sarjana Muda dan Diploma daripada lima fakulti pengajian iaitu Fakulti Pengurusan Perniagaan, Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Fakulti Pengajian Maklumat, Fakulti Perakaunan dan Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi. Untuk tujuan analisis, IBM SPSS dan AMOS versi 18 digunakan. Hasil daripada pengujian model kajian membuktikan khusyuk hati mempengaruhi secara positif khusyuk badan. Daripada dua kategori khusyuk, hanya khusyuk badan sahaja mempengaruhi secara positif persepsi responden untuk tidak melakukan perkara yang keji dan mungkar manakala pengaruh khusyuk hati didapati tidak signifikan. Hasil kajian ini memberikan sudut pandangan yang berguna dalam mencegah peningkatan akhlak keji dan mungkar di kalangan pelajar melalui pelaksanaan solat yang dilakukan dengan khusyuk dan sempurna.

Kata kunci: Khusyuk hati, Khusyuk badan, *Fahsya'* dan mungkar.

1.0 PENDAHULUAN

Akhlak secara umum merupakan sistem atau tingkah laku manusia yang bersumberkan kepada asas wahyu atau syarak. Menurut Al-Ghazali (1998), akhlak merupakan satu sifat yang tertanam dan sebatik dalam jiwa seseorang yang menghasilkan segala perbuatan dengan secara spontan tanpa memerlukan pertimbangan fikiran. Sekiranya akhlak itu baik menurut pertimbangan al-Qur'an dan al-Sunnah, maka baiklah ia. Sekiranya buruk mengikut al-Qur'an dan al-Sunnah, maka buruklah ia (Asming & Ahmad Farid, 2007). Akhlak penting sebagai indikator atau kayu ukur dalam pembangunan sesebuah tamadun bangsa. Selain daripada menjadi indikator kepada pembentukan tamadun, pembinaan akhlak yang baik turut mempunyai perkaitan dengan soal ibadah. Allah SWT berfirman dalam al-Quran yang bermaksud, "Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan agar mereka beribadah kepadaku" (Az-Zaariyat:56). Maka persoalan akhlak bukanlah persoalan yang tersendiri, bahkan ia saling berhubungan dengan persoalan aqidah dan ibadah (Abdul Rahman, 2007).

Ibadah yang paling penting sekali adalah solat. Ia merupakan ibadah yang pertama sekali diwajibkan Allah terhadap makhluknya dan menjadi amalan pertama yang dihisab di antara amalan-amalan manusia. Ia merupakan rukun Islam kedua yang wajib ditunaikan setelah mengucap dua kalimah syahadah. Kepentingan solat dan kaitannya dengan dengan kehidupan manusia tidak dapat dinafikan. Paling utama, solat dapat membina keperibadian dan akhlak yang mulia (Surah al-Maarij: 19–23) dan menjaga pelakunya daripada melakukan perkara-perkara mungkar dan dosa serta mengikut hawa nafsu apabila dilakukan dengan sempurna dan khusyuk seperti dalam firman Allah SWT:

اِنَّ مَا اَوْحِيَ اِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَاَقِمِ الصَّلَاةَ اِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللّٰهِ اَكْبَرُ وَاللّٰهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ

Maksudnya:

Bacalah apa yang telah diwahyukan kepadamu, yaitu Al Kitab (Al Quran) dan dirikanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah dari (perbuatan- perbuatan) keji dan mungkar. Dan sesungguhnya mengingat Allah (solat) adalah lebih besar (keutamaannya dari ibadat-ibadat yang lain). Dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.

(Al Ankabut:45)

Namun dewasa ini, nilai-nilai akhlak terhadap Allah SWT, diri sendiri dan dalam masyarakat kurang dihayati dan tidak memuaskan (Ahmad Diniyah, 1995). Sebagai contoh, kajian Alias (2010) terhadap pelajar politeknik mendapati walaupun pengamalan akidah pelajar berada pada tahap yang tinggi, tahap pengamalan ibadah dan akhlak masih berada pada tahap yang sederhana. Kebanyakan penyakit sosial yang menimpa golongan masyarakat khususnya di kalangan remaja ini dikaitkan dengan pengabaian terhadap solat dan pelaksanaannya yang tidak konsisten (Syukri et. al, 2014). Lanjutan daripada itu, beberapa kajian terhadap pelajar institusi pengajian tinggi mendapati pelaksanaan ibadat solat adalah lemah dan tidak memuaskan (Hilmi, 2010). Sebagai contoh, kajian yang dilakukan di kalangan pelajar sebuah IPTA awam mendapati hampir separuh pelajar tidak melaksanakan ibadat solat dengan sempurna (Yusoff, Seman & Mohd Zain, 2009). Akhlak pelajar yang tidak memuaskan menimbulkan persoalan berkaitan kualiti solat yang dilakukan oleh mereka. Dengan mengambil salah satu daripada kualiti utama yang perlu ada dalam ibadat solat, adalah penting kajian dilakukan untuk meninjau tahap khusyuk pelajar semasa melaksanakan ibadat solat dan hubungannya dengan persepsi mereka terhadap pelaksanaan *fahsya*' dan mungkar. Oleh yang demikian, kajian ini ditetapkan untuk membuktikan pengaruh solat yang khusyuk terhadap penolakan mereka terhadap *fahsya*' dan mungkar dalam tindakan dan kehidupan seharian mereka.

2.0 KAJIAN LITERATUR

2.1 *Fahsya*' dan *Mungkar*

Fahsya' dan *Mungkar* diertikan sebagai perkara yang keji dan mungkar. Terdapat sedikit perbezaan di kalangan para mufassirin berkaitan maksud kedua-dua istilah ini. Menurut Al-Qurtubi (1935), *fahsya*' diertikan sebagai segala ucapan atau pekerjaan yang buruk seperti zina manakala mungkar merupakan segala yang dilarang oleh Islam yang mencakupi seluruh perbuatan durhaka (maksiat) kepada Allah dengan segala bentuknya. Menurut Al-Sa'diy (1422H), *fahsya*' merujuk kepada segala bentuk durhaka (maksiat) kepada Allah yang selaras dengan naluri manusia seperti zina manakala mungkar pula merujuk kepada segala bentuk durhaka kepada Allah yang tidak dapat diterima oleh akal sehat dan fithrah manusia seperti mencuri.

Berdasarkan penggunaan perkataan *fahsya*' dan *mungkar* di dalam Al-Quran, beberapa kesimpulan boleh dibuat. Pertama, perkataan *fahsya*' merupakan perkara keji yang berorientasi kepada kejahatan seks atau penyimpangan seks dan kesan buruknya tidak banyak mempegaruhi orang lain. *Mungkar* merupakan perbuatan maksiat yang bukan sahaja merugikan diri si pelaku, tapi juga kepada pihak lain seperti orang sekeliling, alam sekitar dan kesannya melampaui batas hak Allah dan Rasulnya. Antara perilaku yang termasuk dalam perkara mungkar, melampaui batas dalam agama, mencuri, membunuh dan sebagainya. Kedua, *fahsya*' merupakan kejahatan yang tersembunyi manakala *mungkar* merupakan kejahatan yang dilakukan secara terbuka atau terang-terangan. Sabda Rasulullah S.A.W:

عن أبي سعيد الخدري قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: من رأى منكم منكراً فليغيره بيده فإن لم يستطع فبلسانه فإن لم يستطع فبقلبه وذلك أضعف الإيمان.

Maksudnya:

Barang siapa melihat kemungkaran maka cegahlah dengan tangannya. Apabila tidak mampu maka cegahlah dengan lisannya. Jika tidak mampu maka cegahlah dengan hatinya. Tapi itulah selemah-lemah iman"

(Muslim Syarah Imam Nawawi: 2/23)

Melalui hadis ini, Rasulullah SAW menyuruh kita mencegah perkara mungkar yang dapat yang jelas dilihat dengan mata kasar dan cegahan ini tidak termasuk pada *fahsya*' yang dilakukan secara tersembunyi.

Walaupun *fahsya* umumnya tidak melibatkan orang lain, kesan tidak langsungnya terhadap persekitaran dan masyarakat tidak dapat dinafikan. Sebagai contoh, perbuatan zina akan menimbulkan kesan negatif terhadap isteri, suami, anak-anak dan seluruh isi keluarga. Kehidupan berkeluarga tidak lagi aman dan damai dan lebih teruk lagi sekiranya penyakit yang diperoleh daripada zina seperti HIV menjangkiti pasangan yang tidak berdosa. Dalam hal ini, perbuatan *fahsya* yang asalnya hanya merugikan diri sendiri berubah menjadi perbuatan mungkar disebabkan pengaruhnya terhadap orang lain.

Dalam kajian ini, *fahsya* dan *mungkar* dijadikan sebagai pemboleh ubah bersandar bagi dua faktor yang mempengaruhinya iaitu khusyuk hati dan khusyuk badan. Pemilihan dua faktor ini adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam Al Ankabut ayat 45 yang dengan jelas menyatakan solat yang berkualiti dapat menghindar pelakunya daripada melakukan perkara yang keji dan mungkar. Oleh yang demikian, kajian lalu diterangkan bagi melihat hubung kait di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah di atas. Faktor dua jenis khusyuk dan *fahsya* dan *mungkar* (persepsi terhadap perkara keji dan mungkar) dimasukkan ke dalam model kajian bertujuan untuk memenuhi tujuan kajian ini dijalankan. Kesemua pemboleh ubah ini diterangkan di bahagian seterusnya.

2.2 Khusyuk dalam Solat

Dalam pelaksanaan ibadat solat, khusyuk amat diperlukan. Ia diibaratkan seperti ruh bagi tubuh badan. Menurut Al-Baghawi, para ulama berselisih pendapat dalam menafsirkan maksud khusyuk dalam firman Allah (الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ) yang bermaksud, (iaitu) orang-orang yang khusyuk dalam solatnya. (Surah al-Mu'minun: 2). Namun, mereka sepakat menyatakan bahawa khusyuk merupakan elemen penting kepada solat yang berkualiti. Namun mereka berbeza pendapat samada ia merupakan perkara wajib di dalam solat atau sekadar sunat yang merupakan pelengkap kepada solat. Menurut Imam Al-Ghazali dan Imam al-Qurthubi, ia merupakan perkara wajib atau fardhu manakala bagi perpadat jumhur, ia merupakan perkara sunat. Imam Al-Nawawi menjelaskan hukum khusyuk dalam solat adalah sunat dan berfikir perkara lain semasa solat adalah makruh dan tidak membatalkan solat (Mohamad Razif, 2017).

Melalui definisi yang diberikan oleh para ulama di atas, dapat disimpulkan bahawa khusyuk terbahagi kepada dua iaitu khusyuk hati dan khusyuk badan. Khusyuk hati merujuk kepada kehadiran hati seseorang yang sedang menunaikan solat secara fokus menghadap Allah SWT dengan membawa cinta kepada-Nya, mengagungkan-Nya, takut terhadap seksa-Nya, dan mengharap pahala dari-Nya sehingga merasa dekat dengan-Nya dan tenang hatinya serta penuh penghayatan dengan menghayati seluruh apa yang diucapkan dan lakukan dalam solatnya, dari awal hingga selesai solatnya. Beberapa perkara perlu dijaga untuk memperoleh khusyuk dalam solat iaitu menghadirkan hati (buang perkara duniawi), memahami apa yang dibaca, mengagungkan Allah SWT, merasa gerun kepada Allah SWT, berharap kepada Allah SWT agar solat diterima dan merasa malu di atas kelemahan dan kekurangan diri (Al-Ghazali, 1998). Khusyuk badan pula seperti ketenangan gerakan dalam solat, beradab dan tidak tergesa-gesa dalam mengucapkan zikir dan doa, ketundukan pandangan ke arah tempat sujud, tidak menoleh ke atas atau ke arah yang menghilangkan khusyuk dan tidak disibukkan dengan gerakan yang sia-sia.

Kedua-dua jenis khusyuk ini berkait di antara satu sama lain. Sebahagian ulama menjelaskan bahawa kekhusyukan hati akan melahirkan kekhusyukan badan. Dengan kata lain, khusyuk hati merupakan asas kepada khusyuk badan. Dalam hal ini, Sa'id bin Musayyib pernah melihat seseorang yang berbuat perkara sia-sia dalam solatnya, lalu beliau berkata, "Kalau seandainya hati orang ini khusyuk, tentulah akan khusyuk anggota tubuhnya." (al-Baihaqi: 2/405).

Sehingga kini, belum ada kajian yang melihat secara spesifik pengaruh khusyuk dalam menghalang seseorang daripada melakukan perkara keji dan tercela. Namun, kajian-kajian lalu secara umumnya

menunjukkan hubungan pelaksanaan solat dengan akhlak seseorang (Siti Rokiah, 2007; Mohd Suhardi, 2001; Nor Azira, 2008; Shafora, 2005). Sebagai contoh, Siti Rokiah (2007) yang menjalankan kajian berkaitan amalan solat di kalangan pelajar di pusat latihan pengajar dan kemahiran lanjutan (CIAST) mendapati terdapat hubungan di antara amalan solat dengan akhlak pelajar-pelajar. Dapatan ini disokong oleh kajian seterusnya yang dilakukan oleh Nor Azira (2008) yang melihat perkaitan yang rapat antara pengabaian solat dengan buruk laku individu. Apabila solat tidak dilaksanakan dengan baik, pelbagai perbuatan salah laku akan timbul. Berdasarkan hubungan pelaksanaan solat dengan aspek akhlak dan tingkah laku ini, diandaikan khusyuk yang menjadi elemen utama solat yang berkualiti dijangka mempengaruhi seseorang untuk tidak melakukan perkara keji dan mungkar yang menjadi asas kepada akhlak mazmumah.


3.0 KERANGKA KAJIAN DAN PEMBINAAN HIPOTESIS

Kajian literatur yang telah dinyatakan sebelum ini menyediakan asas untuk mengembangkan kerangka kajian dan hipotesis bagi kajian ini. Berdasarkan kepada firman Allah SWT yang menyatakan pengaruh solat yang dijalankan dengan baik dan khusyuk dalam menangkis perlakuan perkara keji dan mungkar, kajian ini melihat hubungan di antara pemboleh ubah khusyuk dengan perkara keji dan mungkar. Secara terperinci, khusyuk hati dan khusyuk badan dijangka berhubungan secara positif dengan tindakan menghindarkan diri daripada melakukan *fahsya* dan mungkar. Oleh yang demikian, kerangka kajian diterangkan dalam Rajah 1 diikuti dengan tiga hipotesis kajian.

H1: Khusyuk hati mempengaruhi secara positif khusyuk badan.

H2: Khusyuk hati mempengaruhi secara positif tindakan mengelak daripada melakukan perkara keji dan mungkar.

H3: Khusyuk badan mempengaruhi secara positif tindakan mengelak daripada melakukan perkara keji dan mungkar.



Rajah 1: Kerangka Kajian

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kuantitatif digunakan dalam kajian ini. Populasi yang menjadi sasaran kajian ini adalah pelajar yang sedang mengikuti dua tahap pengajian di UiTM Kelantan iaitu Ijazah Sarjana Muda dan Diploma. Untuk memastikan sampel responden yang dipilih sesuai dengan matlamat kajian, teknik persampelan kebarangkalian rawak mudah digunakan. Jangkaan saiz sampel yang diperlukan bagi kajian ini ditentukan melalui penggunaan perisian G*power 3.1 (Faul et al., 2009) iaitu dengan melihat jumlah pemboleh ubah kajian dan item kajian. Untuk mengira saiz sampel yang sesuai, perisian digunakan dengan menggunakan aras seperti berikut: $f^2 = 0.15$ (sederhana), $\alpha = 0.05$ dan bilangan peramal = 2 serta kuasa ditetapkan pada 80% (Gefen et al., 2011). Menggunakan formula di atas, saiz sampel yang diperlukan untuk menguji model ini adalah 68.

Kutipan data dilakukan menggunakan borang soal selidik. Setiap item soalan dirangka dan kemudiannya dilakukan pra ujian bagi memastikan kebolehpercayaannya. Kesemua item soalan menggunakan skala Likert 5 point. Pengumpulan data dilakukan pada bulan Disember tahun 2017. Walaupun saiz sampel yang diperlukan untuk mencapai kuasa peramalan yang ditetapkan hanya sebanyak 68 sahaja, sebanyak 280 borang soal selidik diedarkan dan 260 borang yang lengkap berjaya diperoleh daripada pelajar yang sedang mengikuti pengajian semester Sept-Jan 2017. Selepas dilakukan proses pembersihan data yang melibatkan beberapa ujian seperti pengesanan data terpencil, sebanyak 256 data dikekalkan untuk tujuan analisis selanjutnya. Prosedur Permodelan Persamaan Berstruktur (SEM) menggunakan perisian IBM SPSS dan AMOS versi 18 dilakukan yang melibatkan dua peringkat analisis iaitu model pengukuran item dan model pengukuran struktur model.

5.0 DAPATAN KAJIAN

5.1 Responden Kajian

Responden kajian terdiri daripada 18% pelajar lelaki dan 82% pelajar perempuan. Mereka terdiri daripada pelajar peringkat diploma (21%) dan ijazah (79%) yang mewakili lima fakulti pengajian iaitu Fakulti Pengurusan Perniagaan (67%), Fakulti Sains Komputer dan Matematik (21%), Fakulti Pengajian Maklumat (07%), Fakulti Perakaunan (04%), dan Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (01%). Kebanyakan responden kajian berasal dari negeri Kelantan (34%), diikuti negeri Selangor (14%) dan negeri Johor (10%) manakala baki 42% pelajar berasal dari negeri-negeri lain iaitu Pahang, Perak, Terengganu, Kedah, Kuala Lumpur, Sabah, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis, Pulau Pinang, Sarawak dan Putrajaya. Berdasarkan statistik yang diperolehi, 91% daripada responden kajian mendapat pendidikan di sekolah menengah aliran biasa manakala hanya 09% daripada mereka berpendidikan sekolah menengah aliran agama.

5.2 Analisis Statistik

Model kajian ini dianalisis secara empirikal menggunakan pendekatan Model Persamaan Berstruktur (SEM) yang disokong dengan perisian AMOS 18. Dua peringkat analisis SEM iaitu model pengukuran item dan model pengukuran stuktur model dijalankan (Hair et al., 1998). Peringkat pertama, iaitu model pengukuran item, analisis faktor komformatori (CFA) dijalankan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan item kajian. Pada peringkat kedua, model struktur kajian di analisis untuk menguji kesepadanan model kajian dan pengujian hipotesis kajian.

5.2.1 Penilaian Model Pengukuran

Jadual 1 menerangkan hasil ujian kebolehpercayaan dan kesahan konstruk konvergen. Dapatan kajian menunjukkan kesemua item mencapai konsistensi dalaman yang tinggi melebihi nilai 0.6 (Nunnally & Bernstein, 1994; Chin, 1998), purata varian diekstrak (AVE) melebihi nilai 0.5 dan kebolehpercayaan komposit (CR) melebihi nilai 0.7 (Hair et al., 2014). Nilai Alfa Cronbach yang diperoleh melebihi nilai 0.6 yang ditetapkan untuk membolehkan kebolehpercayaan item kajian dicapai (Hair et al., 2003). Kesemua nilai yang diperoleh ini mencukupi untuk mengesahkan kesahan konvergen.

Jadual 1 Ujian Kesahan Konvergen

Konstruk	Item	Muatan (Loading)	Cronbach	CR	AVE
KHUSYUK HATI	B7	0.841	0.869	0.876	0.586
	B8	0.730			
	B9	0.702			
	B10	0.813			
	B11	0.731			
KHUSYUK BADAN	C2	0.746	0.894	0.897	0.592
	C4	0.667			
	C5	0.807			
	C6	0.793			
	C7	0.823			
	C8	0.772			
FAHSYA' & MUNGKAR	G5	0.938	0.903	0.911	0.774
	G6	0.763			
	G8	0.927			

CR: Construct reliability, AVE: Average variance extracted

Kesahan diskriminan diperoleh menggunakan kriteria Fornell-Larcker (1981) seperti yang dijelaskan dalam Jadual 2. Merujuk kepada hasil ujian kesahan diskriminan, punca kuasa dua bagi AVE setiap konstruk didapati lebih tinggi daripada korelasinya dengan konstruk lain. Oleh yang demikian, kesahan diskriminan bagi item yang digunakan dalam model kajian ini telah dicapai.

Jadual 2 Ujian Kesahan Diskriminan Fornell-Larcker (1981)

	KH	KB	FM
KH	0.765		
KB	0.712	0.770	
FM	0.292	0.376	0.880

Hasil analisis kesahan diskriminan di atas juga membuktikan tidak terdapat isu kolineariti berbilang di antara item kajian dan kesemua item tersebut disahkan mengukur konstruk yang sepatutnya. Secara keseluruhan, kesemua item soal selidik yang digunakan telah menepati syarat yang ditetapkan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan item kajian. Apabila penilaian model pengukur telah memenuhi syarat yang telah ditetapkan, adalah sesuai untuk dijalankan analisis model seterusnya model pengukuran struktur. Dengan itu, data kajian ini sesuai untuk dilakukan analisis seterusnya iaitu pengujian model struktur.

5.2.2 Penilaian Model Struktur

Sebelum pengujian hipotesis dilakukan, kesepadanan model kajian dengan data kajian dilihat. Menurut Hair et al. (2010), kesepadanan model kajian dicapai melalui empat kategori matrik kovarian iaitu a) nilai Chi-square (*chi-square, degree of freedom* (df)), b) nilai *absolute fit* (*Goodness-of-Fit Index* (GFI), *Root Mean Square Error of Approximation* (RMSEA), c) nilai *incremental fit* (*Normed Fit Index* (NFI) dan *Comparative Fit Index* (CFI), dan d) nilai *parsimony fit* (*Goodness-of-Fit index* (AGFI). Dalam Jadual 5 di bawah, nilai statistik χ^2 menunjukkan data tidak sepadan dengan model kajian ($\chi^2 = 137.846$, $df = 74$, $p\text{-value} < 0.05$). Walaupun demikian, disebabkan nilai χ^2 mudah dipengaruhi oleh saiz sampel, nilai ini tidak selalunya dijadikan sebagai indeks pengukuran kesepadanan model kajian (Gerbing & Anderson 1992). Oleh yang demikian, indeks kesepadanan model kajian yang ditunjukkan dalam Jadual 5 digunakan untuk melihat kesepadanan model kajian. Sebagaimana yang dijelaskan dalam jadual tersebut, kesemua indeks yang diperoleh menepati kriteria yang dicadangkan. Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa model SEM ini sepadan dengan data kajian.


Jadual 3 Ujian Kualiti Model

Indeks Kesepadanan	Indeks	Kriteria Dicapadangkan
Chi Square (χ^2)	137.846	
Chi Square/df	1.863	≤ 3.0
Degrees of freedom	74	
P-value (probability)	0.000	≥ 0.5
Absolute fit measures		
RMSEA (Root Mean Square Error of Approximation)	0.058	≤ 0.05
GFI (Goodness of Fit Index)	0.928	≥ 0.9
Incremental fit measures		
CFI (Comparative Fit Index)	0.971	≥ 0.9
NFI (Normed Fit Index)	0.939	≥ 0.9
Parsimony Fit Measures		
AGFI (Adjusted Goodness of Fit Index)	0.898	≥ 0.8

Seterusnya, pengujian hipotesis kajian dilakukan. Hasil analisis mendapati nilai R^2 (*Squared Multiple Correlation*) bagi hubungan di antara khusyuk hati dengan khusyuk badan adalah sebanyak 0.507 manakala nilai R^2 bagi hubungan di antara kedua-dua kategori khusyuk ini dengan persepsi untuk tidak melakukan perkara keji dan mungkar adalah sebanyak 0.279. Nilai yang diperoleh ini menunjukkan bahawa sebanyak 51% daripada varians dalam khusyuk badan diterangkan oleh khusyuk hati ($\beta = 0.643$, $p < 0.01$) manakala 28% daripada varians dalam persepsi untuk tidak melakukan perkara keji dan mungkar diterangkan oleh kombinasi dua kategori khusyuk ini, iaitu khusyuk hati ($\beta = 0.060$, $p = 0.623$)

dan khusyuk badan ($\beta = 0.453$, $p < 0.01$). Hasil analisis menunjukkan bahawa kesemua hipotesis kajian disokong kecuali hipotesis 2 sahaja yang menunjukkan khusyuk hati tidak mempengaruhi persepsi responden untuk tidak melakukan perkara keji dan mungkar secara langsung, sebaliknya ia mempengaruhi persepsi responden untuk tidak melakukan perkara keji dan mungkar melalui khusyuk badan. Hasil pengujian hipotesis ditunjukkan oleh Rajah 2 dan Jadual 4 di bawah:

Rajah 2 Keputusan Model Pengukuran



Nota: * $p < 0.01$

Jadual 4 Ujian Pekali Lalan

Hipotesis	Hubungan	β	SE	CR	Nilai P	2.50%	97.50%	Keputusan
H1	KH -> KB	0.643	0.066	9.718	***	0.514	0.772	Disokong
H2	KH -> FM	0.060	0.123	0.491	0.623	-0.181	0.301	Tidak Disokong
H3	KB -> FM	0.453	0.137	3.321	***	0.184	0.722	Disokong

* $p < 0.05$, nilai t lebih besar daripada 1.645.

** $p < 0.01$, nilai t lebih besar daripada 2.33. N:256

6.0 PERBINCANGAN

Kajian sebelum ini tidak melihat secara spesifik pengaruh khusyuk terhadap persepsi untuk tidak melakukan perkara keji dan mungkar. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk melihat hubungan di antara dua kategori khusyuk dan pengaruh kedua-duanya secara langsung terhadap persepsi responden untuk tidak melakukan perbuatan yang keji dan mungkar. Dapatan kajian hanya menyokong dua daripada tiga hipotesis kajian iaitu H1 dan H3. Khusyuk hati mempengaruhi khusyuk badan dan hanya khusyuk badan sahaja mempengaruhi persepsi responden untuk tidak melakukan perbuatan yang keji dan mungkar. Dengan kata lain, khusyuk hati tidak mempengaruhi secara langsung persepsi responden untuk tidak melakukan perbuatan yang keji dan mungkar, sebaliknya ia mempengaruhi secara tidak langsung melalui hubungannya dengan khusyuk badan.

Kajian ini memberikan sumbangan yang bermakna daripada beberapa sudut. Pertama, firman Allah SWT dalam surah Al-Ankabut, ayat 45, dengan jelas menyatakan solat yang sempurna dapat mencegah perkara

keji dan mungkar. Kajian ini memperlihatkan kepada kita bagaimana salah satu daripada ciri-ciri solat yang sempurna, iaitu khusyuk mempengaruhi secara langsung persepsi responden untuk melakukan tingkah laku keji dan mungkar. Secara tidak langsung, ia memberikan sudut pandangan yang berguna terhadap aspek khusyuk yang menjadi asas kepada solat yang berkualiti. Kedua, kajian sebelum ini memperlihatkan pengaruh solat secara umum terhadap aspek akhlak (Siti Rokiah, 2007; Mohd Suhardi, 2001) dan pengabaian solat dengan buruk laku pelajar (Nor Azira, 2008). Namun, kajian ini secara jelas melihat secara langsung pengaruh aspek penting yang perlu ada dalam solat yang berkualiti iaitu khusyuk terhadap persepsi seseorang untuk tidak melakukan perkara keji dan mungkar. Secara terperinci, khusyuk badan mempengaruhi secara langsung persepsi responden untuk tidak melakukan perkara keji dan mungkar manakala pengaruh khusyuk hati terhadapnya adalah secara tidak langsung melalui khusyuk badan. Kualiti khusyuk inilah yang menjadi penentu kepada keberkesanan solat seseorang dalam mencegah daripada melakukan perkara keji dan mungkar. Ketiga, dapatan kajian ini dengan jelas membezakan di antara dua jenis khusyuk dan pengaruhnya yang berbeza terhadap persepsi untuk melakukan perkara keji dan mungkar. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, ulama berselisih pendapat berkaitan definisi khusyuk yang mencampur adukkan di antara ciri-ciri khusyuk hati dan khusyuk badan. Dapatan kajian ini dengan jelas membezakan di antara khusyuk hati dengan khusyuk badan. Keempat, andaian Sa'id bin Musayyib berkaitan hubungan khusyuk hati dengan khusyuk anggota tubuh dibuktikan melalui dapatan kajian ini. Hasil analisis membuktikan khusyuk hati mempengaruhi secara positif khusyuk badan dengan kekuatan pengaruhnya yang besar iaitu sebanyak 51%.

7.0 KESIMPULAN

Secara ringkas, kajian ini telah menghasilkan implikasi yang bermakna untuk para sarjana, pentadbir dan pendidik. Walaupun firman Allah SWT merupakan fakta yang tidak dinafikan kebenarannya, kajian ini memberikan sudut pandangan yang bermakna terhadap peranan khusyuk dalam solat yang sempurna dalam mencegah diri individu daripada melakukan perkara yang keji dan mungkar. Selain daripada menyediakan data empirikal berkaitan pengaruh tersebut, kajian ini menjelaskan dengan lebih terperinci aspek khusyuk yang merupakan elemen penting dalam solat yang sempurna serta hubungan yang wujud di antara kedua-dua aspek tersebut. Dari sudut praktikal, langkah memberi pendedahan kepada semua pihak berkaitan aspek khusyuk dalam solat merupakan suatu kemestian untuk menghasilkan solat yang sempurna dan berkualiti. Solat sebeginilah yang dapat membentuk akhlak dan peribadi yang positif dan mencegah seseorang daripada melakukan *fahsya'* dan mungkar.

Melihat kepada dapatan dan perbincangan yang dilakukan di atas, terdapat beberapa limitasi kajian ini yang mendorong untuk dijalankan di masa akan datang kajian lanjutan yang lebih lengkap dan menyeluruh. Pertama, kajian ini memberikan fokus kepada khusyuk dalam solat di kalangan pelajar atau generasi muda. Kajian seterusnya perlu mengambil kira pelbagai golongan yang terdiri daripada kanak-kanak, remaja, dewasa dan golongan warga emas. Kedua, kajian ini melihat pada faktor khusyuk yang mewakili 28% daripada varians persepsi untuk tidak melakukan perkara keji dan mungkar. Banyak lagi faktor lain seperti didikan agama, pengaruh ibu bapa dan suasana serta persekitaran yang mungkin mempengaruhi persepsi seseorang untuk tidak melakukan perkara keji dan mungkar. Ketiga, kajian ini berbentuk keratan rentas (*cross sectional*) yang mungkin akan memberikan dapatan yang berbeza jika dijalankan dalam bentuk jangka panjang. Oleh yang demikian, kajian-kajian di masa akan datang perlu mengambil kira semua limitasi dan batasan kajian ini untuk mendapatkan hasil analisis yang tepat dan menyeluruh.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim.

Abdul Rahman bin Haji Abdullah (2007). *Sejarah dan Tamadun Islam*, Pustaka Darussalam.

Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad Al-Ansari Al-Qurtubi, (1935). *Al-Jami' Li-Ahkam Al-Quran*. Cairo: Darul Kutub Al-Ilmiah. Cet 2.

Al-Baihaqi, Abu Bakar Ahmad bin Hussin bin Ali. (2003). *As-Sunan Al-Kubra*. Lubnan: Dar Al-Kutub Al-Misriah. Cet 3.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad (1998). *Ihya' Ulum al- Din*. Kaherah : Maktabah Misr.

Al-Sa'di, Abdul Rahman bin Nasir, (1422H). *Taisir Al-Karim Al-Rahman Fi Tafsir Al-Kalam Al-Mannan*. Tahqiq Saad bin Fauzan Al-Sumail. Saudia: Dar Ibnu Al-Jauzi.

Anderson, J.C. and Gerbing, D.W. (1988). Structural equation modelling in practice: a review and recommended two-step approach, *Psychological Bulletin*, 103 (3), 411-423.

Asming Yalawae dan Ahmad Farid bin Ibrahim. (2007). Akhlak Warisan Rasulullah S.A.W Membawa Kemuliaan Umat. *Jurnal Usuluddin*, 26, 71-83.

Faul, F., Erdfelder, E., Buchner, A., & Lang, A.-G. (2009). Statistical power analyses using G*Power 3.1: Tests for correlation and regression analyses. *Behavior Research Methods*, 41, 1149-1160.

Fornell, C., & Larcker, D. F. (1981). Evaluating structural equation models with unobservable variables and measurement error. *Journal of Marketing Research*, 18 (1), 39-50.

Gefen, D., Rigdon, E. E., & Straub, D. (2011). An Update and Extension to SEM Guidelines for Administrative and Social Science Research. *MIS Quarterly*, 35(2), iii-A7.

Gerbing, D.A. and Anderson, J.C. (1992). Monte Carlo evaluations of goodness of fit indices for structural equation models, *Sociological Methods and Research*, 2(2) 132-160.

Hair, J. F., Black, B., Babin, B., Anderson, R. E. and Tatham, R. L. (2010). *Multivariate data analysis: a global perspective*. New Jersey, Pearson Education Inc.

Hair, J.F., Babin, B., Money, A.H., & Samouel, P. (2003). *Essentials of business research methods*. Hoboken, NJ: Wiley.

Hair, J.F., Hult, T.M., Ringle, C.M., Sarstedt, M. (2014). *A Primer on Partial Least Square Structural Equation Modeling (PLS-SEM)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

Hair J. F., Anderson, R. L., Tatham W.C. (1998). *Multivariate Data Analysis with Reading*, Prentice-Hall, Upper Saddle River, NJ.

Hair J. F., Anderson, R. L., Tatham, W.C. (1998). *Multivariate Data Analysis with Reading*, Prentice-Hall. Upper Saddle River, NJ.

- Mohd Suhardi Mat Jusoh (2001). *Pengabaian Solat di Kalangan Remaja: Kajian di Sekolah Menengah di Sekitar Daerah Pasir Puteh Kelantan*. Tesis Sarjana . Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Razif Muhammad Fuad. (2017). BAYAN LINNAS SIRI KE-82: Khusyuk Solat: Hukum dan Cara Mendapatkannya. Dicapai Februari 9, 2018, daripada <http://muftiwp.gov.my/en/bayan-linnas-cat/2082-bayan-linnas-siri-ke-82-khusyuk-solat-hukum-dan-cara-mendapatkannya>
- Noor Azira binti Yusoff. (2008). *Hubung Kait Antara Pengabaian Solat Dengan Buruk Laku Individu:Kajian di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur*. Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory*. New York, NY: McGraw Hill.
- Shafora Juaini. (2005). *Ibadah Solat Dan Hubungannya Dengan Akhlak Pelajar: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kuala Selangor*. Projek Ijazah Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Rokiah Abd Ghani (2007). *Amalan Solat Di Kalangan Pelajar: Kajian Di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (Ciast), Shah Alam, Selangor*. Tesis Sarjanamuda. Bangi: UKM.
- Syukri Ahmad (2014). *Penghayatan Solat dan Pengimarahannya Masjian: Kajian dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia*. Kertas Kerja. Universiti Utara Malaysia.
- Yusoff, M. S. A., Mat Zain, A., Seman, Z. (2009). Pelaksanaan Ibadat Solat Di Kalangan Pelajar Uitm Kelantan. Kajian Terhadap Beberapa Faktor Terpilih. *Conference on Scientific & Social Researce*. CSSR 08'09. 1-17.